

Rujukan : UKM 3.1/224/8 Jld XI

Tarikh : 4 Julai 2012

PEKELILING BENDAHARI BIL. 14/2012

Dekan / Pengarah / Ketua
Fakulti / Pusat / Bahagian / Jabatan / Unit
Universiti Kebangsaan Malaysia dan
Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia

Y.Bhg. Prof. Dato' / Datin / Tuan / Puan,

PANDUAN KOD BIDANG BAGI PEROLEHAN BEKALAN DAN PERKHIDMATAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada PTJ mengenai Panduan Kod Bidang Baru bagi Perolehan Bekalan dan Perkhidmatan yang boleh dirujuk di lawan web ePerolehan (www.eperolehan.gov.my). Kementerian Kewangan telah membuat penambahbaikan kepada kod bidang bagi perolehan bekalan dan perkhidmatan termasuk perkhidmatan perunding agar relevan dengan keperluan semasa dengan memperkemaskan bidang dan pecahan sub bidang bagi setiap kod bidang berkenaan.

Sehubungan itu, pihak PTJ perlu menyemak panduan kod bidang yang baru dan menggunakan kod bidang yang betul bagi setiap perolehan yang dibuat.


Sukacita sekiranya maklumat ini dapat dipanjangkan kepada kakitangan dibawah pengawasan Y.Bhg. Prof. Dato' / Datin/Tuan/Puan.

Pekeliling ini berkuatkuasa pada tarikh ianya dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.


“Akauntabiliti Pegangan Kita”

Xang benar,



MOHD. ABD. RASHID MOHD. FADZIL
Bendahari
Universiti Kebangsaan Malaysia

- s.k - Naib Canselor, UKM
- Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Penyelidikan & Inovasi), UKM
- Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Akademik & Antarabangsa), UKM
- Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Pelajar & Alumni), UKM
- Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Jaringan Industri dan Masyarakat), UKM
- Pendaftar, UKM



KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA
(*Ministry of Finance Malaysia*)
KOMPLEKS KEMENTERIAN KEWANGAN,
NO. 5, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62592 PUTRAJAYA

Telefon : 03-8882 3000
Cable : TREASURY, KL
Telex : FEDTRY MA 32369
Fax : 03-8882 4352

Web : <http://www.treasury.gov.my>

K.KEW/PK/PS/1100/000000/165/84(-1)

24 April 2012

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Ketua Badan Berkanun Persekutuan
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

Y. Bhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

PANDUAN KOD BIDANG BAGI PEROLEHAN BEKALAN DAN PERKHIDMATAN DI LAMAN WEB ePEROLEHAN

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Kementerian Kewangan telah membuat penambahbaikan kepada kod bidang pendaftaran bekalan dan perkhidmatan termasuk perkhidmatan perunding agar relevan dengan keperluan semasa dengan memperkemaskan bidang dan pecahan sub bidang bagi setiap kod bidang berkenaan. Sehubungan itu, Agensi bolehlah melayari laman web ePerolehan [www.eperolehan.gov.my] untuk merujuk senarai kod bidang bagi perolehan bekalan dan perkhidmatan (termasuk perkhidmatan perunding). Sebarang pindaan ke atas kod bidang berkaitan (sekiranya ada) di masa hadapan akan dipaparkan di laman web berkenaan dari semasa ke semasa.

3. Kod bidang baru ini berkuat kuasa pada 2 Mei 2012. Walau bagaimanapun, Agensi dibenarkan untuk menggunakan kod bidang lama dalam urusan perolehan sehingga 30 Jun 2012. Pelanjutan tempoh penggunaan kod bidang lama adalah bertujuan untuk menyempurnakan proses penyesuaian/pindahan kod bidang lama kepada kod bidang baru.

4. Surat Edaran ini membatalkan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 16 Tahun 1993 dan meminda Perenggan 2.3 kepada Manual Perolehan Perkhidmatan Perunding Edisi 2011 seperti di **Lampiran A**. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan lanjut mengenai kod bidang, Agensi boleh menghubungi Unit Pendaftaran Syarikat, Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan di talian 03-8882 3166/4341/4339/3209.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(**DATO' FAUZIAH BT YAACOB**)

Bahagian Perolehan Kerajaan
b.p. Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Kementerian Kewangan Malaysia

s.k.: Ketua Setiausaha Negara
Ketua Audit Negara Malaysia
Aktauntan Negara Malaysia
Semua Pegawai Kewangan Negeri

(Sila nyatakan rujukan Bahagian ini apabila berhubung)



Rujukan Kami: KK/eP 10/188 Jld 7 (10)

Tarikh : 7 Jun 2012

SENARAI SEPERTI DI EDARAN

YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

PENGURUSAN PEROLEHAN TENDER, SEBUT HARGA DAN eBIDDING SELARAS DENGAN PENGUATKUASAAN PERUBAHAN KOD BIDANG DALAM SISTEM ePEROLEHAN (eP) MULAI 17 JUN 2012

Dengan hormatnya saya menarik perhatian YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Tuan/Puan mengenai perkara di atas dan Surat Edaran Kementerian Kewangan Malaysia K.KEW/PK/PS/1100/000000/165/84(1) bertarikh 24 April 2012 adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa penggunaan Kod-kod Bidang baru di dalam Sistem ePerolehan akan berkuatkuasa mulai **17 Jun 2012**. Selaras dengan penguatkuasaan Kod-kod Bidang baru ini, sistem akan membuat pertukaran kepada Kod Bidang baru secara automatik bagi perkara berikut:-

- i) Kod-kod Bidang pembekal yang masih sah berdaftar;
- ii) Tender dan Sebut Harga yang masih dalam tempoh iklan pada 17 Jun 2012; dan
- iii) eBidding yang akan diiklankan pada 17 Jun 2012.

3. Pembekal-pembekal yang telah menyerahkan Tawaran Teknikal dan Kewangan secara atas talian sebelum 17 Jun 2012, tidak perlu menyerahkan semula dokumen-dokumen tersebut semula kecuali jika terdapat pengemaskinian tawaran yang telah diserahkan.

4. Perlaksanaan perubahan Kod Bidang adalah berasaskan kepada *code mapping* yang disediakan oleh Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan seperti di **Lampiran I**.

5. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan lanjut mengenai penguatkuasaan Kod Bidang baru, Kementerian/Jabatan boleh merujuk kepada Unit Pendaftaran Syarikat, Bahagian Perolehan Kerajaan, Kementerian Kewangan melalui talian 03-8882 3166, 03-8882 4339, 03-8882 3209, 03-8882 4341 atau e-mel ups@treasury.gov.my . Bagi pertanyaan berkaitan Sistem ePerolehan, bolehlah menghubungi Unit ePerolehan di talian 03-83127270, faksimili 03-83127271 atau e-mel bantuan@eperolehan.gov.my.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(DATO' ABD SHUKOR BIN IBRAHIM)
Pengarah Projek ePerolehan
b.p. Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Kementerian Kewangan Malaysia

s.k.:

Ketua Setiausaha Negara
Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Ketua Audit Negara Malaysia
Akauntan Negara Malaysia
Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Pengurusan)
Setiausaha Bahagian Perolehan Kerajaan